

UMS, Unimas anjur persidangan antarabangsa 19-21 Dis

UB 12.12.2012

B4

SEKOLAH Perniagaan dan Ekonomi (SPE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan International Borneo Business Conference (IBBC) kali ke-5 pada 19-21 Disember ini.

Persidangan selama tiga hari itu turut dianjurkan dengan kerjasama Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Ia akan diadakan di Hotel Belmont Marco Polo, Tawau akan disertai oleh universiti-universiti antarabangsa selain institusi pengajian tinggi awam di negara ini.

Antaranya, termasuklah International Islamic Universiti Islamabad, University of Western Cape RSA, Nelson Mandela Metropolitan University (South Africa), Sathyabama University

India dan University of Guadalaraja, Mexico.

Persidangan yang bertemakan ‘Business and Economic Sustainability and Cooperation in Asia’ itu antara lain bertujuan untuk membincangkan isu-isu semasa dan cabaran dalam bidang perniagaan dan ekonomi selain menyediakan platform kepada pakar industri dan ahli akademik

untuk berkongsi ilmu dan pendapat.

Disamping itu, ia juga bagi menjalin hubungan kerjasama antara pihak industri dan ahli akademik dalam bidang penyelidikan sekaligus mengembangkan pembelajaran dan pengajaran program akademik melalui kertas kerja yang dibincangkan.